

PM mahu pameran bot diadakan lebih kerap

Ⓟ

SHAH ALAM, Ahad - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu pameran bot di negara ini diadakan lebih kerap lagi berikutan industri itu semakin pesat sejak kebelakangan ini.

Menurut Perdana Menteri, potensi industri bot amat luas dan masyarakat

secara keseluruhannya menerimanya secara baik.

"Industri bot di negara ini boleh maju kerana orang tempatan sudah mampu membeli. Kita juga mempunyai kepakaran dan dengan itu, boleh membuat dan menjual bot," kata nya kepada pem-

berita selepas melawat pameran bot antarabangsa Malaysia keempat di Taman Tasik Shah Alam, di sini petang ini.

Pameran lima hari yang berakhir hari ini, disertai 65 syarikat pengeluar bot dari dalam dan luar negara.

Dr Mahathir menyifatkan pameran itu mencapai kejayaan kerana setiap tahun jumlah penyertaan dan urusan jual beli meningkat, sekaligus mencerminkan peningkatan pendapatan rakyat.

Menurutnya, pameran kali ini bukan saja menda-

pat sambutan menggalakan dari segi penyertaan, tetapi meningkatnya urusan jual beli.

"Kita dapati kali ini bukan saja jumlah syarikat yang mengambil bahagian dalam pameran meningkat, tetapi pembeli bertambah," katanya.